



Good Food, Good Life

PERADUAN MEMORI MAGGI KU

TERMA DAN SYARAT

Jadual bagi Syarat Penyertaan

<u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
<u>Promosi:</u>	PERADUAN MEMORI MAGGI KU.
<u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 12:00 tengah malam pada 01/08/2020 dan ditutup jam 11:59 malam pada 17/08/2020.
<u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang menetap di Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
<u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Tiada sebarang pembelian diperlukan untuk menyertai Promosi ini.</p> <p>b. Kaedah penyertaan Promosi adalah melalui <u>Facebook, Instagram dan/atau Twitter</u> sahaja. Akaun Facebook, Instagram dan/atau Twitter anda MESTI ditetapkan ke tetapan 'Umum'.</p> <p>c. Tuliskan cerita MAGGI anda dengan tidak melebihi 100 perkataan. Anda MESTI menggunakan tanda pagar & tag berikut di dalam kapsyen anda:</p> <p style="padding-left: 40px;">Untuk Penyertaan melalui FACEBOOK dan TWITTER</p> <p style="padding-left: 80px;">i. #MEMORIMAGGIKU</p> <p style="padding-left: 80px;">ii. #MAGGISAHMALAYSIA</p> <p style="padding-left: 80px;">iii. @MAGGIMALAYSIA (untuk penyertaan dari 14 Ogos & keatas)</p> <p style="padding-left: 40px;">Untuk Penyertaan melalui INSTAGRAM</p> <p style="padding-left: 80px;">iv. #MEMORIMAGGIKU</p> <p style="padding-left: 80px;">v. #MAGGISAHMALAYSIA</p> <p style="padding-left: 120px;">@MAGGI.MALAYSIA (untuk penyertaan dari 14 Ogos & keatas)</p> <p>d. Ambil gambar atau video "Cerita MAGGI KU" dalam apa jua cara yang ingin anda sampaikan sama ada memori atau pengalaman anda yang berkaitan dengan produk MAGGI (contoh: cerita inspirasi/ mengagumkan semasa menikmati semangkuk MAGGI atau memasak menggunakan produk MAGGI) untuk mendapatkan markah bonus.</p> <p>e. Gambar atau video yang menampilkan mana-mana produk MAGGI akan diberikan markah lebih.</p>

	<p>f. Muat naik gambar atau video anda ke akaun Facebook, Instagram dan/atau Twitter anda.</p> <p>g. Peserta boleh menghantar seberapa Penyertaan yang diinginkan. Penganjur TIDAK AKAN menghantar laporan perakuan untuk Penyertaan yang diterima.</p>
<u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam pada 17/08/2020. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
<u>Hadiah:</u>	Terdapat lima puluh [50] Hadiah berupa Baucar pasaraya RM50, satu [1] Beg Tote Edisi Terhad MAGGI, satu [1] Kemeja T Edisi Terhad MAGGI dan jemputan untuk menghadiri Acara Pelancaran Media MAGGI SAH MALAYSIA dan bertemu dengan selebriti tempatan pada tarikh yang ditetapkan, yang akan diberitahu kelak.
<u>Maklumat Pengadilhan Hadiah:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah, Penganjur akan meyusun kira dan menilai semua Penyertaan "Cerita MAGGI Ku" yang layak dan disenarai pendek berdasarkan yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Keaslian, Kreativiti, Semangat persembahan gambar atau video. ii. Keaslian, Kreativiti, Semangat penyampaian kapsyen. iii. Menampilkan Produk MAGGI. iv. Menampilkan kedua-dua tanda pagar: #MEMORIMAGGIKU & #MAGGISAHMALAYSIA. <p>b. Di akhir Tempoh Promosi, panel hakim Penganjur akan meyusun kira dan memilih lima puluh [50] Peserta teratas sebagai finalis untuk memenangi Hadiah ["Finalis"].</p>
<u>c. Terma Tambahan:</u>	<p>a. Selepas proses penilaian dan pemilihan, Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui Facebook, Instagram dan/atau Twitter untuk sesi soal jawab wajib. Finalis mesti memberi maklum balas kepada Penganjur dalam masa 5 hari setelah dihubungi. Sekiranya Finalis gagal memberi respon, Penganjur akan membatalkan Finalis dan akan teruskan dengan pemilihan Finalis pengganti.</p> <p>b. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>c. Setiap Finalis hanya boleh memenangi satu [1] hadiah sahaja di sepanjang tempoh Promosi.</p> <p>d. Semua hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada Acara</p>

	<p>Media MAGGI SAH MALAYSIA pada 27/08/2020. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur. Bagi pemenang yang tidak dapat hadir Acara Media MAGGI, penganjur akan menghantar hadiah kepada pemenang dalam tempoh 5 hari bekerja dari 27/08/2020.</p> <p>e. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir 27/09/2020 akan dibatalkan.</p> <p>f. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.maggi.com.my>, secara kolektif dinamakan “**Terma dan Syarat**”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam Notis Privasi.

Talian Percuma Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara

keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis

daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami”) memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang Penyertaan Promosi bagi tujuan Promosi. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 12.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
- 12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
- 12.4 Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju

bagi pihak mereka kepada pemrosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.

- 12.5 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
- 12.6 Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
- 12.7 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

- Hubungi : Pegawai Perlindungan Data Peribadi.
- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web: <https://www.nestle.com.my/contactus>.

Atau

- Hubungi kami: 1-800-88-3433.

- 12.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses Penyertaan anda dalam Promosi dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
- 12.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.